

02 JUL 2001

Mahathir-LRT

K'JAAN BELUM PUTUSKAN JUMLAH PAMPASAN KPD STAR DAN PUTRA

PUTRAJAYA, 2 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan akan membayar pampasan kepada pengusaha pengangkutan aliran ringan yang menanggung hutang tetapi belum membuat keputusan mengenai jumlah pampasan.

Perdana Menteri menafikan laporan yang kerajaan tidak akan membayar pampasan kepada mereka berhubung dengan cadangannya untuk memiliki aset kedua-dua pengusaha pengangkutan itu -- Sistem Transit Aliran Ringan Sdn Bhd (Star) dan Projek Usahasama Transit Ringan Automatik (Putra) sambil berkata: "Kerajaan akan membayar pampasan mengikut kemampuannya."

Ketika ditemui pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat pertama Majlis Aeroangkasa Malaysia di sini hari ini, beliau berkata kerajaan masih mengkaji cadangan pemilikan itu supaya kedua-dua syarikat boleh menyediakan perkhidmatan kepada awam secara berterusan tanpa mengalami kerugian.

Mengikut skim penyusunan semula bagi Star dan Putra, kerajaan akan menanggung liabiliti kedua-dua syarikat yang dianggarkan RM5.5 bilion.

Mengikut cadangan awal, kerajaan mencadangkan untuk menerbitkan bon bernilai RM6 bilion bagi mengambil alih aset Star dan Putra.

Rancangan itu ditangguhkan sementara menunggu perakuan daripada perunding hutang, Jawatankuasa Penyusunan Semula Hutang Korporat (CDRC) bagi rancangan alternatif untuk kedua-dua syarikat.

Jawatankuasa itu menyatakan bahawa masa untuk penyuisan semula kedua-dua pengusaha bergantung sepenuhnya kepada kerajaan.

"Bukan sahaja jawatankuasa (mengemukakan cadangan), kita juga menjalankan kajian," kata beliau.

Dr Mahathir sebelumnya mempengerusikan mesyuarat tertutup pertama Majlis Aeroangkasa Malaysia yang dihadiri oleh anggota Majlis terdiri daripada menteri, pegawai kanan kerajaan dan wakil daripada pertubuhan berkaitan.

Ketika mengulas mengenai program aeroangkasa nasional, Dr Mahathir berkata: "Kita kaji kemungkinan mengadakan lebih banyak satelit untuk kegunaan kita (Malaysia) tetapi di waktu ini, tidak ada keputusan apa-apa (yang dicapai)".

Beliau berkata pesawat peninjau Eagle yang diperolehi oleh Kementerian Pertahanan akan digunakan untuk rondaan dan tujuan ketenteraan.

"Pesawat itu boleh diprogramkan supaya ia boleh pergi ke tempat tertentu, melaksanakan tugas tertentu dan kemudian balik....ia pesawat yang canggih," kata beliau.

Pada 8 Jun, Kementerian Pertahanan menandatangani perjanjian dengan Composites Technology Research Malaysia Sdn Bhd untuk melancarkan Eagle ARV, produk syarikat untuk digunakan bagi mengawasi pendatang tanpa izin, pembalakan haram dan memadamkan kebakaran.

-- BERNAMA

ZAI DC FAZ